

# Adik tidak maafkan kakak

Sukar lupakan peristiwa pahit yang sentiasa dalam ingatan

## KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin  
Dr Sapora Sipon  
rencana@hmetro.com.my

**?** Saya pelajar kolej yang banyak mengalami peristiwa suka dan duka. Satu peristiwa duka paling terkesan di sanubari ialah hubungan dengan kakak.

Saya mempunyai seorang kakak yang mempunyai emosi pelbagai dan suka mencari kesalahan orang lain. Kakak juga seorang yang panas baran. Ini menyebabkan dia tidak pernah berbicara secara lembut dengan saya. Kakak juga garing dengan adik yang lain.

Apa yang saya lakukan tidak pernah betul pada pandangannya. Kata orang, air dicincang tidak akan putus. Begitulah hubungan adik-beradik.

Kata pepatah juga 'barang yang lepas jangan dike-nang'. Namun, saya secara peribadi amat sukar untuk melupakan perkara lepas yang banyak menghantui hidup saya.

Saya sudah lama bersabar dengan sikap kakak sehinggalah satu hari saya menunjukkan protes terhadapnya.

Untuk kali pertamanya saya tidak mampu bersabar. Ketika itu tercetus satu pertengkaran besar. Bermacam-macam hinaan diajukan terhadap saya. Selepas peristiwa itu saya tidak lagi menghormatinya.

Walaupun sudah lama berlalu, peristiwa pahit ini sentiasa dalam ingatan walaupun kakak sudah pun memohon maaf.

Apabila saya mengingati apa yang berlaku sukar untuk saya memaafkannya. Bagi saya maaf yang dipohon hanya untuk menutup kesalahannya.



Saya cuba sedaya upaya melupakan perkara itu, namun hanya mampu untuk seketika saja. Bantulah saya Dr.

**ADIK MARAH**  
Johor

**!** Setiap insan ingin mempunyai rasa kepunyaan. Pakar psikologi berpendapat cara terbaik membentuk rasa kepunyaan dalam keluarga ialah dengan membentuk komuniti dalam keluarga tersebut.

Ahli keluarga seba-

hagian daripada diri kita. Kakak adalah ahli terdekat dalam sesebuah keluarga. Justeru jika kakak menghina seorang adik, tentu kesan emosional dan psikologi terasa dalam jiwa si adik.

Memberi sokongan kepada setiap ahli keluarga adalah penting. Ini kerana setiap ahli merasa diterima dan dihormati. Apabila ahli dalam keluarga dapat membentuk hubungan yang baik, selanjutnya hubungan positif dalam keluarga akan terjalin.

Adik merasakan tidak dapat memaafkan kakak



serta tidak dapat melupakan kenangan lampau yang pahit. Dr memahami konflik yang adik alami.

Memang terasa sukar apabila darah daging sendiri menghina dan mencaci. Secara psikologinya, emosi akan terganggu dan memang berat untuk diterima. Ia seperti kehilangan sebahagian dari diri sendiri.

Tidak ada seorang insan pun di muka bumi ini yang tidak melakukan kesalahan atau kesilapan. Setiap dari kita pasti membuat kesilapan, baik yang disengajakan mahupun tidak, kesalahan

Apapun niat di sebalik perbuatannya memohon maaf kakak kepada adik, secara zahirnya dia sudah menunjukkan kesediaan mengakui akan kesilapannya.

Kini, gelanggang terbuka untuk adik menyahut salam maafnya. Bermaaf-maafan adalah antara sifat terpuji. Firman Allah bermaksud; "Dan perbuatan kamu bermaaf-maafan (halal-menghalalkan) lebih dekat kepada taqwa" (Surah al-Baqarah ayat 237).

Menurut Iman Al-Ghazali, pengertian maaf itu ialah apabila anda mempunyai hak untuk membalas, lalu anda gugurkan hak itu dan bebaskan orang yang patut menerima balasan itu daripada hukum qisas atau hukum denda.

Dalam konteks ini, adik juga boleh cuba memaafkan kakak dengan berusaha untuk melihat diri daripada perspektif kakak. Cuba untuk berada dalam kedudukannya. Rasionalkan tingkah lakunya. Bayangkan apakah perasaan seorang kakak jika adiknya sendiri masih tidak memaafkannya.

Sejauh mana marahnya adik kepada kakak, dari segi persaudaraan, kakak adalah darah daging adik.

Nabi Muhammad SAW mengkhabarkan bahawa barang siapa yang ingin dipanjangkan umurnya dan dilapangkan rezekinya, hendaklah ia memelihara hubungan kaum kerabat dan orang yang memutuskan tali hubungan kaum kerabat, hendaklah ia bertakwa kepada Allah SWT dan kembali menjalin hubungan sehingga namanya kembali baik dan dilapangkan rezekinya serta disambung pula oleh kerabatnya.

yang besar mahupun yang kecil.

Tiada manusia yang boleh mengatakan diri mereka tidak mempunyai sebarang dosa mahupun kesalahan.

Nabi Muhammad SAW pernah bersabda, bermaksud:

"Setiap insan pasti membuat kesilapan dan sebaik-baik manusia yang membuat kesilapan itu adalah mereka yang bertaubat".

Kakak adik sudah memohon maaf. Ini menunjukkan dia menyesal akan perbuatannya dan ingin berbaik-baik dengan adik.

## Rakan suka fitnah

**?** Saya pelajar sekolah menengah dan menghadapi masalah berkaitan hubungan dengan beberapa kawan sekelas dan kawan baik saya. Mereka meringkikan saya.

Saya selalu disindir rakan yang mengadu bukan-bukan mengenai saya kepada guru dan dianggap mementingkan diri serta talam dua muka.

Keadaan ini menyebabkan saya sukar memberi tumpuan kepada pelajaran.

Saya juga merasakan diri teraniaya dengan keadaan ini.

**GADIS SEDIH**  
Melaka

**!** Kesan fitnah kepada adik memang membebankan. Berhubung rakan baik adik, kawan yang sejati tidak akan mengkhianati kawannya. Cari kawan lain yang boleh membantu terutama dalam pelajaran.

Sikap kawan membuatkan adik dalam konflik. Alternatif adik ialah buat tidak peduli dengan sikap rakan itu. Bersangka baik dan anggaplah apa yang mereka lakukan sebagai satu usaha untuk menduga kesabaran adik.

Satu lagi pilihan ialah bermuhasabah diri dan cuba cari kaedah mengurangkan tingkah laku yang boleh membuatkan mereka menabur fitnah.

Di samping itu, adik

mempunyai pilihan untuk berbincang dengan rakan apakah perkara yang mereka tidak suka mengenai adik. Dr harapkan apa saja pilihan yang diambil, ia perlu bersifat realistik, bersesuaian serta memberi kesan positif yang sebaik mungkin.

Semoga apa yang berlaku menjadi motivasi kepada kejayaan pelajaran dan hidup adik. Dr doakan adik menempuh kehidupan yang sejahtera.

